

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 JANUARI 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	PM lancar iComm untuk tingkat taraf hidup, keselamatan penduduk	Bernama.com
2	Kg Padang Rumbia komuniti desa pertama terima iComm	Sinar Online
3	iComm system to enhance living standards and security of residents, Najib says	The Malay Mail
4	iComm beri peluang penduduk luar bandar tingkat pengetahuan dan ekonomi	Bernama.com
5	MOSTI rancang perluas MSI ke kawasan luar bandar	Sinar Online
6	iComm beri peluang penduduk luar bandar tingkat pengetahuan dan ekonomi	Borneo Post Online
7	Najib launches infrastructure system aimed at rural areas	The Malaysian Insider
8	PM wants iComm system expanded throughout rural areas	New Straits Times
9	Ais terbentuk dari awan ribut petir gagal mencair	Berita Harian
10	Amaran angin kencang di perairan Sabah dan Labuan bermula ahad hingga rabu	Bernama.com
11	Kementerian sangkal dakwaan tidak pedulikan perlombongan bauksit di Pahang	Bernama.com



PM Lancar iComm Untuk Tingkat Taraf Hidup, Keselamatan Penduduk



Najib Tun Razak melihat paparan skrin mengenai sistem tebatan banjir yang sentiasa dikemaskini ketika merasmikan projek perintis Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) Kampung Padang Rumbia

PEKAN, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan projek Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) untuk meningkatkan taraf hidup dan keselamatan rakyat.

Kampung Padang Rumbia di sini dipilih sebagai projek perintis iComm.

Najib berkata, projek itu yang pertama seumpamanya di rantau ini, bakal diperluaskan ke seluruh negara untuk memastikan masyarakat luar bandar turut bersama-sama penduduk bandar menikmati ledakan arus teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).



Katanya sistem itu yang dilengkapi sistem rangkaian kamera litar tertutup (CCTV), alat pemantau paras air sungai dan platform sistem komunikasi mudah alih berasaskan internet juga mampu mengawasi sempadan negara daripada sebarang ancaman pencerobohan.

"Kita boleh pasang sistem iComm ini di timur Sabah seperti di Lahad Datu, Semporna, dan Sandakan. Melalui CCTV yang dipasang kita dapat mengesan kehadiran sebarang anasir luar yang cuba menceroboh negara ini.

"Sistem ini secara langsung memberikan banyak manfaat bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada kerajaan," katanya ketika berucap merasmikan projek perintis iComm di Kampung Padang Rumbia, hari ini.



Turut hadir **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad Datuk Abdul Wahab Abdullah** dan Anggota Dewan Undangan Negeri Bebar Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff.

Projek tersebut merupakan satu inisiatif di bawah program inovasi sosial **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** dibangunkan melalui agensi penyelidikan dan pembangunannya Mimos Sdn Bhd untuk menaik taraf sistem komunikasi masyarakat setempat.

Najib berkata, masyarakat di Kampung Padang Rumbia seharusnya berbangga kerana sistem tersebut mula diperkenalkan di kampung tersebut dan mereka dapat menikmati capaian internet percuma selain panggilan telefon percuma.

"Kampung ini juga dilengkapi dengan 10 CCTV yang membolehkan setiap apa yang berlaku di kampung ini diawasi selain dilengkapi dengan sistem amaran banjir yang canggih. Projek ini membolehkan penduduk Padang Rumbia mengecapi gaya hidup yang berbeza dari masa lalu," katanya.

Menurutnya, senario itu juga mencerminkan dengan jelas kehendak pembangunan di luar bandar kini berbeza jika hendak dibandingkan semasa ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein menjadi perdana menteri. "Kalau kita menyorot kembali era pimpinan Allahyarham Tun Razak (perdana menteri kedua), kita boleh bayangkan corak pembangunan luar bandar ketika itu amat berbeza kerana semasa itu kita mahu kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya, balai raya dan lembu pawah.

"Kini masa telah berlalu, negara semakin jauh ke hadapan, kemajuan dunia dalam bidang sains dan teknologi telah membuka era baharu di zaman yang dikenali sebagai era maklumat dan K-ekonomi.

"Pembangunannya berteras pengetahuan, sains dan teknologi dan menjadi teras kepada kejayaan sesebuah negara dan kerajaan akan pastikan seluruh pelusuk negeri tidak ketinggalan dalam soal itu" kata Perdana Menteri.

Dalam masa yang sama Najib turut berharap rakyat dapat menunjukkan penghargaan terhadap kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan tidak menyalahgunakannya untuk kegiatan yang tidak bermanfaat.

Katanya, rakyat juga perlu bijak mempertimbangkan sebarang maklumat atau cerita di internet kerana ada di antaranya benar, namun dalam masa yang sama kebanyakannya hanyalah cerita rekaan dan berunsur fitnah semata-mata.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
SINAR ONLINE
TARIKH: 23 JANUARI 2016 (SABTU)



Kg Padang Rumbia komuniti desa pertama terima iComm



Najib menyampaikan telefon pintar kepada pemimpin setempat pada majlis itu. - Foto Sinar Harian

Pekan - Masyarakat di Kampung Padang Rumbia diingatkan supaya memanfaatkan Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) yang disediakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sistem perintis yang dilaksanakan di kampung berkenaan mampu membaiki taraf sosio ekonomi komuniti berkenaan.

Menurutnya, iComm adalah inisiatif **Mosti** di bawah program inovasi sosial melalui Mimos Sdn Bhd.

"Sistem ini merangkumi kamera litar tertutup, alat pemantau paras air sungai dan platform komunikasi muda alih berasaskan internet.

"Kampung Padang Rumbia adalah komuniti desa pertama di negara ini menerima manfaat ini," katanya ketika merasmikan Sistem Prasarana Komuniti Pintar di Kampung Padang Rumbia, di sini, hari ini.

Najib berkata, perubahan semasa menuntut masyarakat di luar bandar untuk sama-sama merasai arus kemudahan teknologi maklumat.


Bagaimana pun, Najib turut mengingatkan penduduk supaya bijak menilai maklumat yang diperoleh melalui internet.

"Pada zaman dunia tanpa sempadan ini, rakyat tidak harus menerima bulat-bulat info yang diterima sebaliknya menilai kebenarannya

"Jika dilihat, banyak maklumat yang direka, fitnah dan tidak tepat diperoleh melalui laman sosial yang ada. Justeru, saya berharap rakyat menilai maklumat yang diterima untuk mengelak sebarang kekeliruan," katanya.

Dalam pada itu, Najib berharap iComm diperluaskan ke kawasan luar bandar di negara ini agar masyarakat dapat menikmati kemudahan itu secara menyeluruh.

iComm system to enhance living standards and security of residents, Najib says



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak looks at a screen displaying the sophisticated flood warning system during the launch of the iComm system in Kampung Padang Rumbia, Pahang on January 23, 2016. — Bernama pic

PEKAN, Jan 23 — Prime Minister Datuk Seri Najib Razak today launched the pioneer project, Smart Community Infrastructure System (iComm), in Kampung Padang Rumbia to raise the standard of living and security of the people, especially in the rural areas.

He said the project, the first of its kind in this region, would be extended to the whole country later to ensure that the rural community joined the urban dwellers in enjoying the boom in the information and communication technology (ICT).

The system, which is equipped with a closed circuit television (CCTV) network, river water level monitoring equipment and Internet-based mobile communication system platform could also monitor the national boundary from any threat of infiltration.

"We can install the iComm system in East Sabah such as in Lahad Datu, Semporna, and Sandakan. Through the CCTV installed, we can trace the presence of any foreign elements trying to infiltrate into the country.

"This system brings much benefits directly not only to the people but also the government," he said when officiating the iComm in Kampung Padang Rumbia, here today.

The event was also attended by **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**, Mimos Berhad chief executive officer and president Datuk Abdul Wahab Abdullah and State Assemblyman Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff.

The project is an initiative under the social innovation programme of the **Ministry of Science, Technology and Innovations (Mosti)** developed through its research and development agency, Mimos Sdn Bhd, to upgrade the communication system of the local community.

Najib said the Padang Rumbia residents should be proud because the system had been introduced in the village and they could access the Internet free of charge as well as making free telephone calls.

"The village is also equipped with 10 CCTV sets which enable everything that occurs in the village to be monitored besides being equipped with a sophisticated flood warning system. The project enables the people of Padang Rumbia to enjoy life that is different from the past," he said.

The scenario also clearly reflected that the need for development in the rural areas was now different compared to the time when his late father Tun Abdul Razak Hussein was the prime minister.

"If we recall the era of the late Tun Razak's leadership, we can imagine that the type of rural development was very different at that time because then we wanted basic amenities such as power supply, water, roads, community halls and cattle projects.

"Now the time has passed, the country has developed far ahead, the world development in the fields of science and technology has opened up a new era known as the era of information and K-economy.

"Its development is based on knowledge, science and technology and becomes the thrust to the development of a nation, and the government will ensure that no part of the country is left out in this matter," he said.

At the same time, Najib also hoped that the people could appreciate the facilities provided by the government by not abusing them for activities which did not bring any benefit.

He said the people should also be smart in evaluating any information or story in the Internet because although some of them were true, most of them were merely fictitious and slanderous in nature.

- See more at: <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/icomm-system-to-enhance-living-standards-and-security-of-residents-najib-sa#sthash.jbATwXUH.dpuf>



iComm Beri Peluang Penduduk Luar Bandar Tingkat Pengetahuan Dan Ekonomi

PEKAN, 23 Jan (Bernama) -- Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) Kampung Padang Rumbia yang disediakan oleh kerajaan dilihat mampu melonjakkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat terutama penduduk luar bandar.

Rata-rata penduduk kampung berkenaan yang ditemui menyambut baik langkah kerajaan menyediakan kemudahan itu yang sekali gus memberi satu pengalaman baru kepada mereka dalam menikmati kemudahan telekomunikasi dan internet yang lebih efisien.

Bagi seorang pelajar tingkatan lima Siti Nor Fazleen Nazeri, 17, kemudahan yang diperkenalkan sejak dua bulan lepas itu banyak membantunya dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.

"Sebelum ini liputan internet di Kampung Padang Rumbia ini sangat perlahan, namun kini sejak adanya iCOMM segalanya menjadi lebih pantas. Hendak cari maklumat siapkan kerja sekolah pun cepat," katanya.

Dia berharap kemudahan itu diperluaskan ke kampung-kampung lain yang berhampiran kerana ia banyak memberikan manfaat khususnya kepada pelajar sepertinya dan dapat membuka peluang kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui perniagaan dalam talian.

Pelancaran iComm di Padang Rumbia, yang merupakan pertama seumpamanya di rantau ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

iComm yang merangkumi rangkaian kamera litar tertutup, alat pemantau paras air sungai dan platform komuniti mudah alih berasaskan internet merupakan satu projek inisiatif di bawah Program Inovasi Sosial, [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) yang dibangunkan oleh [Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia \(Mimos\)](#).

Sementara itu, Imam Masjid Kariah Kampung Padang Rumbia Shaadan Mohamad, 67, pula berkata beliau menyambut baik pemasangan sistem itu di kampungnya biarpun kurang arif dalam penggunaan teknologi maklumat.

Beliau berkata ini kerana menerusi alat pengesan paras air sungai memberi kelebihan kepada penduduk kampung untuk lebih berwaspada dengan banjir yang akan berlaku ketika musim hujan lebat.

"Ini memudahkan penduduk untuk berjaga-jaga dengan banjir sebab Kampung Padang Rumbia ini kerap juga banjir selain penduduk boleh mendapatkan maklumat terkini yang berlaku dalam kampung," katanya.

Bagi Fatimah Hassan, 59, pula mengharapkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu tidak disalah guna oleh golongan muda di kampung itu dengan melayari laman sesawang yang boleh merosakkan diri atau negara.

"Apa jua yang kerajaan buat ini adalah untuk kebaikan semua dan sepatutnya digunakan untuk kita memajukan diri baik dari segi pengetahuan mahupun ekonomi," katanya.

-- BERNAMA



Mosti rancang perluas MSI ke kawasan luar bandar

PEKAN - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) merancang akan memperluaskan lagi Program Inovasi Sosial Mosti (MSI) di kawasan luar bandar supaya kemudahan sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dapat dinikmati komuniti desa.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, usaha itu akan diperluaskan seiring dengan hasrat kerajaan dalam aspek Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di negara ini.

Menurutnya, Mosti merancang untuk menjangkau lebih banyak kawasan luar bandar, terutamanya yang berpotensi dilanda bencana alam dan juga kawasan yang dirasakan perlu dibantu dari aspek komunikasi setempat.

"MSI dilancarkan tahun lepas yang menjurus kepada aktiviti STI secara jangkau luar ke kawasan luar bandar meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial sekali gus membawa manfaat kepada peringkat akar umbi.

"Sebanyak 101 projek bernilai RM14 juta telah diluluskan di bawah MSI pada tahun lepas dan ini termasuklah projek iCOMM," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iCOMM) Kampung Padang Rumbia di sini, hari ini.

Madius berkata, projek itu dibangunkan oleh Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) dan ia adalah satu-satunya projek seumpama itu di rantau ini.

Tambahnya, projek iCOMM dijangka dapat meningkatkan kehidupan penduduk Kampung Padang Rumbia ke satu taraf lebih baik dengan adanya kemudahan teknologi yang bertindak menjadi 'mata' memantau paras air sungai dan persekitaran serta keselamatan mereka.

"Sesuai dengan matlamat Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 yang diumumkan perdana menteri dalam ucapan bajet Oktober lalu, Mosti berharap produk dan perkhidmatan teknologi buatan Malaysia ini dapat dimaju dan dikomersialkan sama ada oleh agensi kerajaan atau sektor swasta," katanya.

Sehubungan itu katanya, kementerian akan terus memastikan kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) sistem itu sentiasa berjalan.

Katanya, kementerian akan memberikan kerjasama kepada Mimos dalam kerja penambahbaikan sistem itu dalam usaha memastikan pengguna sasaran iaitu komuniti desa mendapat manfaat seperti yang diharapkan kerajaan.

iComm beri peluang penduduk luar bandar tingkat pengetahuan dan ekonomi

PEKAN: Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) Kampung Padang Rumbia yang disediakan oleh kerajaan dilihat mampu melonjakkan taraf sosioekonomi penduduk setempat terutama penduduk luar bandar.

Rata-rata penduduk kampung berkenaan yang ditemui menyambut baik langkah kerajaan menyediakan kemudahan itu yang sekali gus memberi satu pengalaman baharu kepada mereka dalam menikmati kemudahan telekomunikasi dan internet yang lebih efisien.

Bagi seorang pelajar tingkatan lima Siti Nor Fazleen Nazeri, 17, kemudahan yang diperkenalkan sejak dua bulan lepas itu banyak membantunya dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.

“Sebelum ini liputan Internet di Kampung Padang Rumbia ini sangat perlahan, namun kini sejak adanya iCOMM segalanya menjadi lebih pantas. Hendak cari maklumat siapkan kerja sekolah pun cepat,” katanya.

Dia berharap kemudahan itu diperluaskan ke kampung-kampung lain yang berhampiran kerana ia banyak memberikan manfaat khususnya kepada pelajar sepertinya dan dapat membuka peluang kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui perniagaan dalam talian.

Pelancaran iComm di Padang Rumbia, yang merupakan pertama seumpamanya di rantau ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

iComm yang merangkumi rangkaian kamera litar tertutup, alat pemantau paras air sungai dan platform komuniti mudah alih berasaskan internet merupakan satu projek inisiatif di bawah Program Inovasi Sosial, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** yang dibangunkan oleh Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS).

Sementara itu, Imam Masjid Kariah Kampung Padang Rumbia Shaadan Mohamad, 67, pula berkata beliau menyambut baik pemasangan sistem itu di kampungnya biarpun kurang arif dalam penggunaan teknologi maklumat.

Beliau berkata ini kerana menerusi alat pengesan paras air sungai memberi kelebihan kepada penduduk kampung untuk lebih berwaspada dengan banjir yang akan berlaku ketika musim hujan lebat.

“Ini memudahkan penduduk untuk berjaga-jaga dengan banjir sebab Kampung Padang Rumbia ini kerap juga banjir selain penduduk boleh mendapatkan maklumat terkini yang berlaku dalam kampung,” katanya.

Bagi Fatimah Hassan, 59, pula mengharapkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu tidak disalah guna oleh golongan muda di kampung itu dengan melayari laman sesawang yang boleh merosakkan diri atau negara.

“Apa jua yang kerajaan buat ini adalah untuk kebaikan semua dan sepatutnya digunakan untuk kita memajukan diri baik dari segi pengetahuan mahupun ekonomi,” katanya



Najib launches infrastructure system aimed at rural areas

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak today launched the pioneer project, Smart Community Infrastructure System (iComm), in Kampung Padang Rumbia, Pekan, Pahang to raise the standard of living and security of the people, especially in the rural areas.

He said the project, the first of its kind in this region, would be extended to the whole country later to ensure that the rural community joined the urban dwellers in enjoying the boom in the information and communication technology (ICT). The system, which is equipped with a closed circuit television (CCTV) network, river water level monitoring equipment and internet-based mobile communication system platform could also monitor the national boundary from any threat of infiltration.

"We can install the iComm system in East Sabah such as in Lahad Datu, Semporna, and Sandakan. Through the CCTV installed, we can trace the presence of any foreign elements trying to infiltrate into the country.

"This system brings much benefits directly not only to the people but also the government," he said when officiating the iComm.

The event was also attended by **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**, Mimos Berhad chief executive officer and president Datuk Abdul Wahab Abdullah and assemblyman Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff.

The project is an initiative under the social innovation program of the **Ministry of Science, Technology and Innovations (Mosti)** developed through its research and development agency, Mimos Sdn Bhd, to upgrade the communication system of the local community.

Najib said the Padang Rumbia residents should be proud because the system had been introduced in the village and they could access the internet free of charge as well as making free telephone calls.

"The village is also equipped with 10 CCTV sets which enable everything that occurs in the village to be monitored besides being equipped with a sophisticated flood warning system.

"The project enables the people of Padang Rumbia to enjoy life that is different from the past," he said. The scenario also clearly reflected that the need for development in the rural areas was now different compared to the time when his late father Tun Abdul Razak Hussein was the prime minister.

See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/najib-launches-infrastructure-system-aimed-at-rural-areas#sthash.77FCykR0.dpuf>

NEW STRAITS TIMES ONLINE

PM wants iComm system expanded throughout rural areas

PEKAN: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak wants the Intelligent Community (iComm) monitoring system to be expanded in the rural areas for safety of the residents.

He said the system, developed by the **Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti)** to enable better monitoring of remote locations for safety purposes, makes full use of information and communication technology (ICT).

He said the system allows the installation of closed circuit television cameras (CCTVs) for accurate real-time remote monitoring at strategic locations in villages.

"For example, iComm could be implemented at villages in eastern Sabah such as Lahad Datu, Semporna and Sandakan.

"With CCTVs, residents can monitor if there are intruders and arrest them immediately," he said during the launch of iComm at Kampung Padang Rumbia here.


Najib also urged residents of Kampung Padang Rumbia to take advantage of iComm. "Kampung Padang Rumbia is the first rural community in the country to benefit from this project that also aims to improve the residents socio-economic standing through ICT."

Najib said through apart from monitoring safety of the residents, iComm system also could detect an increase in the level of Sungai Pahang, thus allowing villagers to prepare for the evacuation process rather than wait for the authorities.

Also present at the launch were Science, Technology and Innovation Ministry minister Datuk Wilfred Madius Tangau, the ministry's secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Mimos Bhd chairman Datuk Omar Kaseh and chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Read More : <http://www.nst.com.my/news/2016/01/123573/pm-wants-icomm-system-expanded-throughout-rural-areas>

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 23 JANUARI 2016 (SABTU)



Ais terbentuk dari awan ribut petir gagal mencair

Kuala Lumpur: Hujan batu berlaku apabila ais yang terbentuk dari awan kumulonimbus atau awan ribut petir gagal mencair sepenuhnya sebelum mencecah bumi.

Sumber Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, hujan batu adalah kerpasan terdiri daripada ketulan ais dengan purata diameter 5 sehingga 50 milimeter.

Beliau berkata, proses pembentukannya melalui pemeluwapan wap air yang terlampau dingin di atmosfera yang mencapai tahap beku.

Semakin tinggi kelembapan, semakin besar ais terbentuk

"Semakin tinggi kelembapan udara, bermakna ais lebih besar boleh terbentuk. Disebabkan itu, walaupun ia turun ke aras lebih

rendah serta panas, tidak semua yang mencair," katanya ketika dihubungi, semalam.

Penduduk sekitar Bukit Jelutong, Shah Alam, gempar apabila hujan batu melanda kawasan itu kira-kira 10 minit, petang semalam.

Sumber itu menjelaskan kejadian hujan batu bukan disebabkan faktor pertukaran cuaca, sebaliknya terhasil daripada awan ribut petir yang berada pada paras tahap beku membentuk ais besar.

Beliau menjelaskan hujan batu tidak hanya berlaku di kawasan sub-tropika tetapi boleh berlaku di kawasan khatulistiwa.

"Kebiasaannya saiz hujan batu yang melanda negara kita hanya sebesar jari kelingking. Tidak sebesar bola tenis seperti yang berlaku di Amerika Syarikat," katanya.



Amaran Angin Kencang Di Perairan Sabah Dan Labuan Bermula Ahad Hingga Rabu

KOTA KINABALU, 22 Jan (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama di kawasan perairan Sabah khususnya kawasan pedalaman, pantai barat, Kudat dan Wilayah Persekutuan Labuan yang dijangka bermula Ahad ini hingga 27 Jan.

Menurut laman sesawang agensi itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter juga dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut agensi berkenaan.

Selain itu, jabatan itu juga meramalkan bahawa kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang juga dijangka bermula 24 sehingga 27 Jan. -- BERNAMA



Kementerian Sangkal Dakwaan Tidak Pedulikan Perlombongan Bauksit Di Pahang

PUTRAJAYA, 22 Jan (Bernama) -- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hari ini menyangkal dakwaan bahawa mereka tidak mempedulikan tentang masalah berkaitan perlombongan bauksit di Pahang.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata kementerian itu telah mengambil semua langkah di bawah bidang kuasanya untuk menangani isu berkenaan.

"Tuduhan bahawa kementerian ini tidak bertindak secukupnya untuk menyelesaikan masalah berkaitan bauksit adalah tidak tepat," katanya dalam kenyataan.

Semua aktiviti perlombongan bauksit di Pahang dihentikan mulai 15 Jan lepas, sejajar dengan moratorium selama tiga bulan yang dikenakan kerajaan terhadap perlombongan bauksit di negeri itu.

Kesemua pemilik tanah, pengusaha bauksit dan pemandu lori perlu mematuhi perintah penggantungan sementara itu bagi membolehkan satu prosedur operasi standard (SOP) yang berkesan digubal bagi menangani isu berkaitan perlombongan bauksit di Pahang.

Wan Junaidi berkata sejak moratorium itu dikenakan, kementerian melakukan pemantauan terhadap operasi perlombongan bauksit melalui pelbagai agensi penguatkuasaan dengan kerjasama Pengarah Tanah dan Galian Pahang serta Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Pahang.

Katanya kira-kira 400 pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia, Unit Peronda Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) menganggotai pasukan penguatkuasaan bersama itu.

Wan Junaidi berkata lapan stesen pemantauan atau pusat pemeriksaan ditubuhkan di Kampung Padang, Tanjung Pasir, Bukit Kuantan, APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia), Sungai Ular, Bukit Penggorak, [Sirim Berhad](#) dan Loji Rawatan Air Semambu.

Beliau berkata kementerian itu melalui Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan beberapa ujian terhadap sampel air dari sungai yang dikatakan terjejas oleh bauksit bagi menentukan tahap keselamatannya.

Beliau berkata kementerian berkenaan akan menganjurkan bengkel dari 27 hingga 29 Jan untuk menyemak semula semua peraturan, prosedur dan garis panduan berkaitan perlombongan dan eksport bauksit serta mencadangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan.

"Semakan semula ini akan meliputi pelbagai aspek termasuk pengurusan di tapak melombong, pengangkutan, simpanan stok di dalam dan di luar kawasan pelabuhan serta prosedur berkaitan Permit Kelulusan bagi mengeksport bauksit.

"Penambahbaikan yang dicadangkan akan dikemukakan kepada kerajaan Persekutuan untuk kelulusan dan akan dilaksanakan sebaik sahaja tempoh moratorium itu berakhir," katanya.

-- BERNAMA